

G MALAM MESRA BERSAMA MEDIA KUKUM 2003

Malam Mesra Bersama Media KUKUM 2003 ini diadakan bagi meraikan para wartawan dan kakitangan media di Perlis. Majlis makan malam yang berlangsung dalam suasana meriah ini telah diadakan di Hotel Putra Palace, Kangar pada 20 Jun 2003. Ia turut dihadiri oleh Y. Bhg. Rektor KUKUM, Profesor Dr. Kamarudin Hussin, Pegawai Utama dan Ketua - ketua Jabatan KUKUM serta kakitangan Unit Komunikasi Korporat, Jabatan Canselor KUKUM. Majlis diserikan lagi dengan kehadiran Pengarah Penyiaran Perlis, En. Mat Radzi Lin.

Dalam ucapan aluananya, Profesor Dr. Kamarudin berterima kasih kepada penglibatan pihak media khususnya dalam membuat liputan mengenai perkembangan KUKUM yang baru setahun ditubuhkan ini. Manakala En. Adnan Jahaya, Ketua Biro Bernama telah menyampaikan ucapan bagi pihak media. Beliau yang juga setiausaha Kelab Akhbar Perlis (KAP) menegaskan, hubungan baik yang wujud antara pihak media dan KUKUM akan tambah menyemarakkan lagi usaha Perlis dalam menuju ke arah menjadi sebuah negeri ilmu.

Pada majlis ini juga, Profesor Dr. Kamarudin turut menyampaikan cenderamata kepada semua tetamu dari agensi dan pertubuhan media yang hadir. Pihak media juga tidak ketinggalan untuk menyampaikan cenderamata kepada KUKUM dan ianya telah disampaikan oleh wakil media En. Adnan Jahaya kepada Profesor Dr. Kamarudin.

